

Tun Mahathir sifatkan sambutan terbaik, terancang

UM 01 SEP 2005

PUTRAJAYA 31 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-48 yang berlangsung buat kali kedua di Dataran Putrajaya, hari ini cukup baik dan terancang.

Menurutnya, acara yang melibatkan kira-kira 32,000 peserta itu diadakan dengan persediaan yang rapi.

"Sambutan kali ini cukup baik dengan persediaan rapi dan terancang," katanya ringkas kepada pemberita selepas majlis itu, di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang hadir bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, dilihat begitu asyik menyaksikan persembahan dan perarakan Hari Kemerdekaan dari bermula acara sehingga tamat.

Sambutan Hari Kemerdekaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini diadakan pertama kali pada 2003 iaitu sebelum Dr. Mahathir bersara sebagai Perdana Menteri.